

KEJUARAAN SILAT DUNIA DI BALI

B. Harian (M)

# Pesaka bentuk skuad remaja

MENTERI Belia dan Sukan, Datuk Seri Najib Tun Razak, sedia membantu Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) membentuk skuad remaja bagi menghadapi Kejuaraan Silat Remaja Dunia, di Bali pada Disember tahun depan.

Setiausaha Pesaka, Rahman Hassan, berkata menteri itu sedia memberi bantuan kewangan terutama untuk latihan pusat skuad itu nanti.

Bagaimanapun, rancangan pembentukan skuad remaja itu akan dilampirkan dalam laporan rancangan dua tahun yang akan diserahkan kepada Majlis Sukan Negara bulan depan.

"Saya akan pastikan laporan itu diterima oleh jawatankuasa penilaian MSN yang dipengerusi sendiri oleh Datuk Seri Najib supaya peruntukan tambahan dapat diberikan," kata beliau.

Rahman berkata, Pesaka terpaksa berbuat demikian apabila Persekutuan Silat Antarabangsa turut merancang Kejuaraan Remaja Dunia mulai tahun depan.

Selain itu, skuad kebangsaan pula menghadapi tiga kejuaraan penting tahun depan iaitu Jemputan Antarabangsa Brunei (Mac), Kejuaraan Dunia di Surinam (Ogos) dan Terbuka Malaysia (Disember) sempena penutup Tahun Melawat Malaysia.

Menurutnya, Pesaka bercadang mengadakan Kejuaraan Silat Remaja Kebangsaan yang pertama pada awal tahun depan.

"Menerusi kejuaraan itu nanti, pesilat terbaik akan dipilih menjalani latihan pusat sepanjang cuti persekolahan sebelum bertanding di Bali. Oleh itu, saya meminta persatuan silat negeri bersedia mulai sekarang untuk memilih pesilat berusia 14 hingga 17 tahun," jelas beliau.



## Azam buktikan sebagai jaguh

PEMENANG pingat emas silat Sukan SEA XV, Azam Mokhtar, membuktikan keunggulan sebagai jaguh seni mempertahankan diri apabila membantu Kor Polis Tentera (KPT) A menjuarai Kejohanan Taekwondo Tentera Darat, di Kem Wardieburn, semalam.

Sementara itu, Rijeman Gerak Khas (RGK) B masih kekal di tempat kedua dan Jurutera A ketiga.

Azam mengetepikan Zakaria Hamzah dari KPT B di perlawanan akhir tanpa tentangan hebat. Desakan naib juara *heavy* kebangsaan itu, memaksa Zakaria mengelakkan diri ke luar gelanggang.

Juara kelas Bebas silat Sukan SEA, bulan lalu hanya dapat melepaskan empat tendangan kencang dalam pertarungan tiga pusingan yang hambar.

Walaupun Zakaria cuba mendesak, ia gagal tendangan dan tumbukannya tersisih begitu sahaja dan diikuti oleh tendangan Azam.

"Saya kecewa kerana gagal mendapat tentangan yang diharapkan. Barangkali, lawan-lawan saya itu menghadapi perasaan gerun," katanya.

29 SEP 1989

Berikutkan kejayaan itu, Azam akan membantu skuad Tentera Darat ke Kejohanan Taekwondo ATM pada November ini. Kejohanan itu akan disertai oleh TLDM dan TUDM.

Selain itu, juara *middle* dan *welter* kebangsaan, Mazlan Shaari dan Musa Talib turut disenaraikan untuk mewakili Tentera Darat ke kejohanan nanti. Bagaimanapun, kedua-dua jaguh kebangsaan itu tidak bertanding, semalam kerana memberi peluang kepada muka baru.

Dua lagi juara kebangsaan yang akan membantu Tentera Darat ialah Sabaruddin Che Ani (*fin*) dan Zakaria Hamzah (*welter*).

Sabaruddin menundukkan Ruslani dan Zakaria mengalahkan Azizan masing-masing dari Kor Jurutera A.

Dengan gabungan lima jaguh kebangsaan itu, peluang Tentera Darat untuk mengekalkan kejuaraan kejohanan ATM begitu cerah.

B. Harian (M)